

Pendemokrasian Maklumat Blog: Isu Akauntabiliti dalam Kalangan Blogger di Malaysia

MUHAMMAD HAKIMI TEW ABDULLAH

MUHAMAD HANAPI KHAMIS

ZULIANI MOHD AZNI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

ABSTRAK

Senario blog di Malaysia telah berkembang sejak tahun 2008 di mana rata-rata pengguna media telah menggunakan media baru sebagai media alternatif untuk mendapatkan maklumat yang mereka tidak peroleh melalui media arus perdana. Ternyata blog telah membekalkan pelbagai maklumat yang baharu dan berada di luar jangkaan pengguna media. Pendedahan demi pendedahan telah dibuat oleh para blogger dalam usaha untuk menghidangkan maklumat yang dinanti-nantikan oleh masyarakat pengguna. Blog juga digunakan sebagai landasan untuk menyampaikan maklumat secara pantas dan bebas kepada rakyat. Kertas kajian ini melihat sejauh mana blogger di Malaysia mengamal sifat akauntabiliti ke atas segala penulisan yang dipaparkan dalam blog mereka. Pendekatan kualitatif menerusi temubual mendalam dilakukan ke atas dua kumpulan blogger yang mempunyai ideologi politik yang berbeza. Sebanyak lapan (8) orang blogger ternama di Malaysia telah dipilih sebagai informan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa blog telah membuka landasan baru kepada masyarakat dalam menyampaikan maklumat. Wujudnya undang-undang yang boleh dikaitkan dengan para blogger sedikit pun tidak menjasksan hasrat mereka untuk terus bebas dalam menyatakan pendapat kepada masyarakat umum. Selain itu, para blogger turut sedar dan telah menetapkan sifat akauntabiliti di tahap yang tertinggi dan sentiasa bertanggungjawab ke atas sebarang kemudaratuan yang bakal lahir hasil daripada penulisan mereka. Para blogger juga sentiasa memastikan kesahihan maklumat yang disebarluaskan diraih dan bersifat responsif terhadap keperluan masyarakat.

Kata Kunci: *Blog, akauntabiliti, demokrasi, kebebasan bersuara, politik.*

The Democratization of Blogs' Information: Issues on The Accountability Among Bloggers in Malaysia

ABSTRACT

The blog scenarios in Malaysia had expanded since year 2008 and generally media consumers have been using new media as a substitute media to obtain information that they could not reach through the mainstream media. Obviously, blogs have provided a huge number of new information and is beyond the expectation of the media users. The disclosure had also been made by bloggers to present information which is much awaited by the consumer society. Blogs have also been used as a medium to convey information rapidly and unrestricted to the people. This research paper examines how far bloggers in Malaysia have been practicing the accountability of all the writings posted in their blogs. A qualitative approach through an in-depth interview has perpetrated upon two blogger groups consisting of different political ideologies. A total of eight (8) prominent bloggers in Malaysia was selected as informants to the study. The results showed that blogs have successfully opened a new substance to the society in terms of conveying information. The existence of laws that can be associated with bloggers does not affect their desire to continue expressing opinions freely to the

public. Apart from that, bloggers were aware and have set their accountability at the highest level and will always be responsible for any potential harm caused through their writing. The bloggers are always alert in ensuring disseminated information credibility in the acceptance and in response to the societal needs.

Keywords: *Blog, accountability, democracy, freedom of speech, politic.*

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi, sebuah negara majmuk dari segi ras, budaya dan agama. Kewujudannya bertitik tolak dari semangat kerjasama demi kebaikan semua kaum, budaya dan agama dalam kerangka paradigma politik negara-bangsa (Abdullah et al., 2014). Malaysia telah mengamalkan dasar demokrasi berparlimen. Sebuah negara demokratik merupakan sebuah kerajaan rakyat berperlembagaan dan berdaulat yang mendukung keluhuran undang-undang. Urus tadbir pemerintahan menjamin hak rakyat seperti mana yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan perkara 44.

Pada dasarnya sebagai sebuah negara demokrasi, Malaysia telah memberi kebebasan akhbar dalam membuat laporan dan ia adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kebebasan yang dinyatakan bukanlah kebebasan secara mutlak kerana setiap artikel yang diterbitkan mestilah sentiasa menjaga sensitiviti rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Sebarang penerbitan yang boleh menyebabkan kemudaran kepada individu atau menjelaskan keselamatan negara harus dihindarkan sama sekali.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia tidak mentakrifkan hak kebebasan bersuara tetapi telah menyatakan bahawa setiap rakyat berhak bersuara secara bebas dan segalanya adalah tertakluk kepada penetapan undang-undang yang mana ia perlu untuk memberi sekatan ke atas keselamatan persekutuan atau sebahagian daripadanya, menjaga hubungan baik dengan negara lain, keselamatan awam dan kesusilaan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau sebarang Dewan Undangan Negeri daripada sebarang tindakan yang menghina mahkamah atau fitnah atau penghasutan yang boleh menjelaskan Sistem Perlembagaan Malaysia serta mengucarkan keamanan negara.

Menurut Abdullah et al. (2016) blog mula menarik minat rakyat di Malaysia pada tahun 1998 yang pada ketika itu para blogger rancak menulis berkenaan perihal politik dan isu semasa. Blog juga telah menjadi medium yang berpengaruh dalam melaporkan sesuatu berita selepas rata-rata masyarakat menolak media arus perdana yang sering berpihak kepada kerajaan. Segala apa penyertaan mengenai politik pastinya memerlukan rakyat dalam pembentukan penyertaan politik yang demokratik (Inch, 2015). Selepas daripada itu, blog nyata tidak dapat dipisahkan dengan orang politik terutamanya mereka yang berada dalam parti anti kerajaan.

Demokrasi menerusi internet telah membuka satu dimensi baru dalam proses komunikasi dan penyebaran maklumat. Kajian Akmal dan Salman (2015) memberi fokus kepada penggunaan media baharu sebagai sebuah medium yang memudahkan sebaran maklumat di mana informasi boleh diakses tanpa sekatan. Malah, pengguna dikatakan bebas untuk berkongsi dan menyuarakan pendapat di samping mampu meningkatkan tahap penyertaan politik mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa media baharu sentiasa disokong sebagai ruang demokrasi maklumat dan membuat golongan belia aktif dalam penyertaan politik secara *online* mahupun *offline*.

Zain et al. (2015) dalam kajiannya memperlihatkan bahawa internet mula digunakan sebagai medium untuk berkempen mulai tahun 1999 dan ia adalah kesan daripada penggunaan internet dalam isu reformasi pada tahun 1998. Dapatan kajian menunjukkan ketika PRU ke-10, parti pembangkang telah menggunakan internet secara intensif untuk berkempen. Penggunaan internet terutama blog untuk kempen politik menjadi semakin meluas ketika PRU ke-11. Penggunaan internet telah melahirkan demokrasi siber di mana rakyat bebas untuk memberi idea dan pandangan sehingga mampu untuk mengajak mereka untuk berkumpul secara maya bagi membincangkan berkenaan sesuatu isu. Pencapaian Barisan Nasional telah menjunam teruk apabila gagal mendapat kemenangan majoriti dua pertiga bagi kerusi parliment.

Hasil kajian Abdullah et al. (2016) menerusi kaedah analisis kandungan blog untuk melihat nada berita blog bagi tempoh dua bulan sebelum dan selepas PRU ke-13 menunjukkan peratusan sebanyak 73.7% daripada keseluruhan sampel (836) berada pada kedudukan nada anti tersurat dan pro tersurat yang membawa maksud para blogger tidak kira daripada kumpulan mana sekalipun tampak begitu berani untuk menyatakan pendapat mereka secara terbuka tanpa perlu berselindung. Ini jelas menunjukkan bahawa kebebasan dalam menyatakan pendapat menerusi media blog nyata berlaku di Malaysia mutakhir ini.

Dalam politik, Rasul dan Rahim (2015) mengatakan bahawa internet telah memainkan peranannya dengan memudahkan warga muda untuk aktif menyuarakan pendapat dan pandangan mereka yang berbeza. Malah, internet dinilai oleh warga muda sebagai sumber informasi yang lebih dipercayai kerana internet mampu menyampaikan informasi dengan cepat dan tepat. Oleh itu, banyak generasi muda membuat blog peribadi, emel, *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya sebagai saranan ke arah penyertaan politik dan menggunakan aplikasi mesin pencari seperti *google* untuk mencari dan mengumpul informasi politik. Hal ini jelas menunjukkan bahawa orang ramai memerlukan maklumat dan dengan maklumat yang diperoleh maka mereka mampu untuk membuat sesuatu keputusan dengan sewajarnya.

Maka, para blogger haruslah sentiasa peka akan sensitiviti semua pihak dan bersifat akauntabiliti terhadap segala maklumat yang disampaikan kepada masyarakat. Blogger dilihat mempunyai hak kebebasan yang lebih besar jika dibandingkan dengan seorang wartawan media kerana blogger tidak terikat dengan kod etika kewartawanan dalam penulisan mereka (Wariya, 2012). Bagi mereka yang mempunyai latar belakang sebagai seorang wartawan mungkin perkara ini dipandang serius tetapi disebaliknya bagi mereka yang bukan dari dunia kewartawanan di mana soal etika mungkin tidak menjadi prioriti kepada mereka. Oleh itu, nilai kebertanggungjawaban sentiasa menjadi neraca utama kepada maklumat yang dipaparkan.

Lantaran daripada itu, segala apa mesej yang disampaikan haruslah berlandaskan fakta yang benar tanpa sebarang prejudis agar kebertanggungjawaban blogger diraih. Sekiranya terdapat sebarang keraguan akan kesahihan maklumat yang disampaikan melalui laman blog, mereka wajar memperbetulkan dan mengakui akan kesalahan tersebut. Setiap blogger wajar mengesahkan segala maklumat terperinci sebelum menulisnya kerana kesilapan yang berlaku akan menjaskan kredibiliti blog itu sendiri.

LATAR- BELAKANG ISU KAJIAN

Penapisan masyarakat boleh menjadi positif kerana ia dapat membantu bagi memastikan fakta disemak, sumber yang sah dan menghindar daripada wujudnya komen-komen yang

boleh menjadi bahan fitnah atau secara terang-terangan sehingga boleh menyinggung perasaan seseorang atau individu. Gunter et al. (2008) menjelaskan bahawa ramai orang kini telah beralih kepada medium blog untuk mendapatkan berita kerana mereka hilang kepercayaan kepada media arus perdana. McIntosh (2005) pula berpendapat, terdapat sesetengah blogger yang paling menonjol terdiri daripada golongan yang tidak mempunyai latar belakang kewartawanan tetapi menyedari akan kepentingan menjaga kredibiliti untuk menjamin kejayaan mereka.

Cenite et al. (2009) menyatakan bahawa akauntabiliti seorang blogger akan dinilai melalui beberapa kriteria antaranya sejauh manakah blogger tersebut bertanggungjawab kepada pembacanya dan kekerapan dalam menunjukkan sikap bertanggungjawab untuk sebarang kemudaratannya akibat daripada weblognya. Hal ini bermaksud bahawa seseorang blogger itu harus menanggung apa sekali tindakan yang dikenakan oleh pihak berkuasa atas kesalahan yang dilakukannya. Selain itu, blogger juga harus bertanggungjawab terhadap apa-apa kesan negatif yang mungkin terdapat pada blog mereka serta sanggup memperbetulkan dan mengakui akan kesilapan yang dilakukan hasil daripada paparan blog.

Hasil kajian Cenite et al. (2009) menunjukkan bahawa akauntabiliti blogger berada pada tahap yang rendah dan kurang dipraktikkan oleh blogger yang dikaji. Penyelidik telah merumuskan bahawa kebanyakannya blogger tidak percaya bahawa seseorang orang boleh memfailkan saman ke atas kandungan blog yang dipaparkan olehnya atau mungkin kerana blogger mempunyai persepsi bahawa risiko sosial dalam talian adalah lebih rendah berbanding dengan komunikasi bersemuka. Hal ini telah menyebabkan kesedaran tentang akauntabiliti menjadi rendah dan tidak diendahkan oleh mereka. Berdasarkan kepada jumlah kes yang disaman terhadap blogger di Malaysia akibat pelbagai kesalahan yang dilakukan mungkin sedikit sebanyak memberi kesedaran kepada para blogger agar lebih bertanggungjawab ke atas apa yang dituliskan. Walau bagaimanapun, segalanya akan dapat dilihat melalui hasil kajian yang bakal diperoleh nanti.

Kajian oleh Tan dan Ibrahim (2008) menerusi kaedah tinjauan ke atas pembaca blog dan temu bual mendalam bersama beberapa blogger terpilih menyatakan bahawa blog telah membuka ruang ke arah kebebasan bersuara di Malaysia. Hasil kajian mereka melaporkan bahawa blogger Malaysia secara umum sangat tidak bersungguh-sungguh dalam memastikan kebenaran fakta melalui paparan blog mereka. Sebaliknya, 63% daripada blogger yang ditemu bual pada tahun 2006 mendakwa yang mereka telah memeriksa fakta sebelum menghantarnya buat tatapan pengguna. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa pembaca adalah bertanggungjawab untuk mengenal pasti kebenaran paparan blog dan membuat pertimbangan mereka sendiri pada kredibiliti paparan blog tertentu. Daripada 476 tinjauan yang dibuat ke atas pembaca yang mempercayai kandungan blog, hanya 13.2% mengaku amat percaya kepada paparan blog. Rasa tidak percaya ini adalah disebabkan oleh amalan subjektif blog itu sendiri, keperluan blogger sendiri menerusi dalam perbezaan yang jelas dengan objektif, serta blogger harus bersifat neutral dalam membuat laporan bagi memenuhi kepentingan awam.

Pengaruh blog nyata terpancar sekali lagi menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) yang ke-13 pada 5 Mei 2013 yang lalu dengan memberi kesan di luar jangkaan kerana semakin ramai yang berani untuk menzahirkan pandangan dan harapan tentang demokrasi di Malaysia dengan menyeru rakyat untuk menukar kerajaan yang telah memerintah di Malaysia sejak zaman kemerdekaan. Kebanyakan blog yang berpihak kepada pembangkang secara lantangnya telah menyuarakan hasrat ini melalui semboyan kempen *Ubah* dan *Ini Kalilah* dan kesan daripada itu telah membawa kepada dinamis baru kepada persaingan

parti-parti politik di Malaysia yang memperjuangkan pelbagai jenis ideologi dan ingin bersama-sama ke arah kegemilangan nasib parti-parti yang mereka wakili (Abdullah et al., 2017). Maka, timbulnya persoalan tentang sejauh manakah blogger di Malaysia menekankan isu akauntabiliti dalam setiap penulisan mereka? Adakah mereka bersifat responsif ke atas keperluan masyarakat?

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan fenomenologi melalui kaedah kualitatif secara temu bual mendalam ke atas lapan orang blogger yang dipilih. Mereka telah diletakkan di bawah dua kumpulan yang terdiri daripada ideologi politik yang berbeza. Pengkategorian ini dibuat berdasarkan kepada biodata blogger serta kecenderungan pendirian politik yang ditunjukkan oleh para blogger dalam paparan blog. Kelapan-lapan blogger yang dipilih merupakan mereka yang amat berpengaruh dalam dunia blog di Malaysia hari ini. Informasi kajian yang dinyatakan adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Maklumat demografi Blogger yang ditemubual.

Senarai Blogger	Pekerjaan	Tahun Ceburi Dunia Blog	Kategori Blog
<i>The Scribe</i> Datuk A kadir Jasin	Wartawan	14 tahun	Politik
<i>Rocky Bru</i> Datuk Ahirudin Atan	Wartawan	14 tahun	Politik
<i>Zamkata</i> Tan Sri Zainuddin Maidin	Wartawan Bebas	11 tahun	Politik & Peribadi
<i>tun faisal dot com</i> Tun Faisal Ismail	Pegawai Kerajaan	13 tahun	Politik
<i>Shahbudin dot com</i> Shahbudin Husin	Penulis Buku/ Blog	8 tahun	Politik
<i>Minda Lutfi</i> Ahmad Lutfi Othman	Editor Harakah	11 tahun	Politik
<i>Merah Tinta MSO</i> Mohd Sayuti Omar	Penulis Buku/ Blog	14 tahun	Politik
<i>Din Merican: the Malaysian DJ Blogger</i> Dato' Din Merican	Timbalan Dekan	13 tahun	Politik

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kebebasan dalam penulisan blog di Malaysia

Blog dilihat merupakan satu medium yang bebas oleh semua blogger yang ditemu bual kecuali seorang blogger iaitu Din Merican yang mempunyai pendirian tersendiri dengan menyatakan bahawa blog tidaklah begitu bebas baginya kerana beliau perlu sentiasa berhati-hati dengan apa yang dituliskan. Antara sebab mengapa blognya tidak diserang hebat adalah kerana ia dituliskan dalam bahasa Inggeris yang memerlukan satu tahap pemahaman yang tinggi dan tidak ramai masyarakat di Malaysia yang membaca dan boleh memahami gaya bahasa Inggeris yang digunakannya. Contoh penyataan yang digunakan "*Saya tidak mengatakan Perdana Menteri rasuah tetapi saya mengatakan yang beliau tidak kompeten.*" Maka, gaya penulisan dan bahasa yang digunakan boleh mengalih perhatian orang untuk menekan dan menyerangnya.

Pengertian berbeza tentang konsep kebebasan dibuat oleh blogger, Ahmad Lutfi dengan menyatakan bahawa dalam prinsip kebebasan, yang penting adalah ruang yang telah diberikan. Tindakan saman yang dikenakan bukanlah suatu yang negatif buatnya kerana ia hanyalah peringatan bahawa setiap apa perkara yang dilakukan pastinya ada risiko dan ada tanggungjawab yang menanti. Sekatan tersebut tidak pernah membantutkan hasratnya untuk terus mencambahkan idea dan berkongsi kepakaran kepada masyarakat. Pendek kata, terdapat kebebasan dalam penulisan blog tetapi bukanlah secara mutlak dan apa yang berlaku hari ini merupakan suatu proses pematangan iklim perbezaan pandangan melalui blog. Shahbudin Husin turut bersepakat dengan Ahmad Lutfi menerusi penerangannya;

Secara umumnya dia bebas untuk menulis apa sahaja. Dia jangan lupa dia terikat dengan undang-undang dan akta. Dia boleh menulis apa sahaja asalkan dia jangan melanggar benda-benda tu, jangan memfitnah orang, macam-macamlah. Blog ini kita taklah mengutuk orang, mengutuk raja-raja, bangsa, kaum, agama, begitulah.

Walau bagaimanapun terdapat pihak yang menafikan bahawa kebebasan di Malaysia ini cuba disekat dengan wujudnya suruhanjaya komunikasi dan sebagainya tetapi pada pandangan Mohd Sayuti Omar, *“kebebasan masih diberikan kepada kita, Cuma kalau ada sekatan itu adalah apabila penulisan-penulisan tersebut telah melanggar secara sadisnya beberapa fakta tertentu misalnya melanggar akta hasutan, akta fitnah dan sebagainya secara rakus.”* Ini turut disokong oleh Kadir Jasin, Tun Faisal, Zainuddin Maidin dan Rocky Bru dengan menyatakan bahawa di Malaysia blog adalah bebas. Kebebasan bersuara berlaku secara ketara di Malaysia di mana seseorang itu boleh membuka akaun blog tanpa nama dan menghentam seseorang. Mereka boleh mengkritik Perdana Menteri, Ketua Pambangkang dan melakukan apa sahaja kerana pihak berkuasa tidak akan menyekat tindakan mereka dengan menutup akaun blog tersebut melainkan hanya dengan menyaman blogger atas sebab hasutan, fitnah dan ugut.

Di Malaysia, terdapat kebebasan dalam penulisan blog tetapi apabila menyebut tentang kebebasan tidak bermakna seseorang blogger itu bebas untuk menulis apa sahaja kerana mereka harus menjaga sensitiviti masyarakat yang berbilang kaum, agama dan sebagainya. Maka blogger harus lebih selektif dalam menggunakan kebebasan yang telah diberikan. Kebebasan dalam erti kata lain, blogger boleh mengatakan apa sahaja tetapi masih tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada.

Akauntabiliti blogger

Akauntabiliti merujuk kepada satu proses di mana pengamal media mengambil tanggungjawab akibat daripada penerbitan mereka dan menjadi responsif kepada keperluan orang ramai dan jangkaan masyarakat (Elliott, 1986; McQuail, 2003). Walau bagaimanapun, istilah "akauntabiliti" dan "tanggungjawab" telah digunakan secara bergantian kerana tanggapan kebertanggungjawaban yang wujud bagi kedua-dua konsep. Menurut Newton et al. (2004), akauntabiliti adalah perkataan yang paling sesuai dalam usaha untuk menyeru rakyat bagi melaksanakan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka dengan baik. Tanggungjawab adalah perkataan yang paling sesuai dengan tugas dalam sesebuah lingkaran keprihatinan sosial kepada individu dan kumpulan. Dalam konteks Malaysia yang mengamalkan demokrasi berparlimen, kebebasan yang diberikan kadang-kala telah

membuatkan seseorang blogger itu terlupa akan tanggungjawab mereka sebenar. Maka, akan timbulah pelbagai salah laku akibat daripada penulisan blogger itu sendiri. Pelbagai kes telah dilaporkan dan telah menyebabkan para blogger ditahan dan disaman ekoran daripada penulisan mereka yang telah menyentuh sensitiviti pelbagai pihak di Malaysia.

i). Bertanggungjawab atau bersifat akauntabiliti

Blogger yang konsisten merupakan blogger yang menggunakan namanya sendiri. Di mana identiti sebenar didedahkan sebagai panduan pengenalan buat para pengguna blog. Perlakuan dengan mendedahkan identiti itu telah menggambarkan bahawa seseorang blogger itu mempunyai perasaan tanggungjawab ke atas blognya dan penulisannya. Identiti blogger telah membawa kepada kredibiliti sesebuah blog. Sekiranya blogger itu meletakkan tanggungjawab di suatu tahap yang tinggi, maka kepercayaan serta keyakinan pembaca pastinya akan bertambah sehingga boleh menyumbang kepada peningkatan tahap kredibiliti blog tersebut. Secara keseluruhannya, semua blogger yang ditemu bual bersepakat bahawa seseorang blogger perlu bertanggungjawab ke atas sebarang implikasi akibat daripada penulisannya. Shahbudin Husin menerangkan bahawa;

Sebagai contoh sekiranya seseorang blogger itu hendak mendedahkan sesuatu perkara, sebelum dia mendedahkan perkara tersebut dia perlulah mempunyai segala bukti yang boleh menyokong. Kalau dia tidak ada bukti maka dia harus bertanggungjawab ke atas implikasi yang berlaku.

Seseorang blogger tidak terlepas daripada hukuman sekiranya didapati bersalah atas salah-laku dalam penulisannya. Segala implikasi akibat daripada tingkah-laku tersendiri haruslah dipertanggungjawabkan oleh empunya blog. Risiko dan tanggungjawab yang dipikul oleh seorang blogger dilihat lebih besar jika dibandingkan dengan seorang wartawan. Hal ini kerana tapisan artikel dibuat oleh blogger sendiri dan sekiranya disabitkan kesalahan seperti mengadu domba, maka diri blogger itu sendiri yang harus dipertanggungjawabkan kerana dia adalah penulis, dia adalah penyunting. Kadir Jasin turut menyokong bahawa kesan sama ada baik atau buruk sesuatu artikel, blogger itu harus bertanggungjawab melalui penegasannya;

Sudah tentu. Saya bertanggungjawab untuk apa yang saya menulis sama ada buruk atau baik. Sebab itu saya katakan suatu pembelaan dengan mengatakan kita jahil itu bukan satu pembelaan sama sekali. Jadi dia wajib bertanggungjawab ke atas apa yang dia tulis. Dia tahu ke tak tahu tentang salah atau silap itu bagi undang-undang tidak penting. Kalau ada kes dia terpaksa jawab.

Kenyataan yang dibuat oleh Shahbudin Husin dan Kadir Jasin turut disokong oleh Din Merican melalui penjelasannya bahawa “*seseorang itu perlu bertanggungjawab ke atas apa yang ditulis. Anda harus dapat membela komen yang telah dibuat bukan belasah syok sendiri sahaja. Anda boleh tidak bersetuju dan pastikan anda tidak memfitnah seseorang kerana anda boleh didakwa*”. Dengan erti kata lain, penulis harus mempunyai jawapan ke atas segala apa komen yang dibuatnya. Adalah tidak wajar untuk mengadu domba. Segala apa yang ditulis haruslah mempunyai penjelasan yang sejelas-jelas dan sentiasa menjaga

sensitiviti semua pihak agar tidak timbulnya sebarang kekeliruan atau menjelaskan seseorang. Blogger harus bertanggungjawab dengan kata-katanya, berlaku adil dan sentiasa berhati-hati ketika menulis. Letakkan sifat akauntabiliti di tahap yang tertinggi dan cuba yang terbaik untuk membekalkan fakta yang tepat. Rocky Bru turut menyarankan bahawa;

Kita perlu memberitahu penulis blog bahawa mereka harus bertanggungjawab tentang apa yang mereka tulis. Segala-galanya adalah tertakluk kepada undang-undang, kepada peraturan-peraturan di negara ini, dan jika mereka melanggar mana-mana undang-undang dan jika penulisan harus bertanggungjawab untuk apa yang mereka tulis.

Menurut Zainuddin Maidin, seseorang penulis itu perlulah sentiasa berdisiplin dan bertanggungjawab terhadap segala yang dilaporkan. Orang yang tidak ada tanggungjawab dan disiplin akan membuat apa sahaja tanpa memikirkan tentang implikasi yang bakal dihadapi oleh individu. Apabila perasaan tanggungjawab itu tertanam dalam sanubari blogger, pastinya dia lebih berhati-hati dalam apa yang dilemparkan. Katanya lagi “*Untuk melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab, blogger sendiri harus bertanggungjawab terdahulu.*” Menurut Ahmad Lutfi, blogger yang mempunyai rasa tanggungjawab akan memperbetulkan segala kesilapan fakta yang ditulis dengan pantas tanpa ada perasaan malu sebelum sesuatu tindakan diambil oleh pihak tertentu. Tidak ada kompromi bagi mereka yang menulis sesuatu artikel tanpa melalui maklumat yang sahih. Makna kesahihan berita itu adalah jauh lebih penting daripada ulasan yang dibuat.

Saranan Mohd Sayuti Omar agar pengguna blog lebih peka dalam pemilihan blog sebagai sumber bacaan. Katanya “*sudah tentu. Kita kena bertanggungjawab. Sebab itu saya bubuh nama dan saya cukup marah pada orang yang menulis tanpa nama. Dia kena bertanggungjawab, dia kena bubuh nama dan pembaca sendiri kena menilai. Kita nak baca mesti kena cari tulisan yang berkualiti. Salah satu kualitinya dalam penulisan ialah kebertanggungjawaban penulis itu kepada tulisan dia.*” Akauntabiliti penting kepada seorang penulis. Seorang penulis yang bermaruah mesti ada perasaan tanggungjawab ke atas apa sahaja yang ditulis sama ada kesannya negatif mahupun positif. Sebelum menulis, blogger harus berfikir terdahulu tentang apakah kesannya, impaknya atau hasilnya daripada tulisan tersebut. Blogger hendaklah berfikir tentang kesannya terlebih dahulu sebelum menulis. Lantaran itu, adalah disaran juga agar para pembaca bersifat lebih selektif dalam pemilihan blog sebagai bahan rujukan.

Tun Faisal turut menegaskan bahawa pendedahan identiti blogger menunjukkan rasa tanggungjawabnya kepada segala implikasi yang datang dari blognya. Tulisan yang tidak bertanggungjawab dan tidak berintegriti tidak berhak untuk dibaca. Maknanya, setiap penulis wajib meletakkan tanggungjawabnya kepada segala penulisannya itu. Cenite et al. (2009) menegaskan bahawa akauntabiliti blogger dinilai melalui beberapa kriteria antaranya sejauh manakah blogger tersebut bertanggungjawab kepada pembacanya dan kekerapan dalam menunjukkan sikap tanggungjawab ke atas sebarang kemudaratan akibat daripada weblognya. Hal ini bermaksud bahawa seseorang blogger itu harus menanggung apa sekali tindakan yang dikenakan oleh pihak berkuasa atas kesalahan yang dilakukannya. Mereka harus bersedia untuk membela diri mereka sekiranya terdapat sabitan yang dibuat ke atas penulisan mereka. Dengan kata lain, sifat akauntabiliti harus tertanam dalam sanubari setiap mereka yang bergelar sebagai seorang blogger.

ii). Kesahihan maklumat

Maklumat yang sahih sering dikaitkan dengan maklumat yang benar dari segi faktanya, bernalas dan boleh dipercayai. Blogger yang membekalkan maklumat yang sahih akan mendapat lebih perhatian jika dibandingkan dengan mereka yang menulis berdasarkan persepsi atau khabar angin. Dalam politik, kadang-kala sesuatu maklumat itu adalah samar-samar. Apa yang dianggap sahih hari ini boleh menjadi tidak sahih pada keesokan harinya.

Menurut Mohd Sayuti Omar, untuk mendapatkan sesuatu yang sahih adalah susah. Maka teknik penulisan dengan memulakan sesuatu secara kaedah provokasi boleh dilakukan. Kaedah yang dimaksudkan adalah melontar batu dalam semak. "*Kalau melontar batu dalam semak, ada pula pokok yang bergoyang. Maknanya kita boleh membuat penulisan dalam bentuk spekulasi di mana ada sesuatu dalam semak itu. Sesuatu itu bukan berhenti di situ sahaja tetapi kita kena siasat. Kena pastikan musang ke, rimau ke, gajah ke apa? Barulah tulisan itu lengkap sebagai sebuah tulisan yang cantik dan indah.*" Sekiranya sesuatu tulisan itu dibuat hanya berdasarkan kepada spekulasi yang tidak ada fakta sehingga boleh membayangkan suatu tuduhan kepada orang lain, maknanya ia dianggap sebagai tidak bermoral dan telah melakukan fitnah. Penulisan yang baik dan bermaklumat merupakan satu tulisan yang ada asasnya dan disokong oleh fakta. Sejauh mana benar maklumat itu adalah bergantung pada individu yang menulis.

Apa yang diperkatakan oleh Mohd Sayuti Omar turut diakui oleh Kadir Jasin dengan mengatakan bahawa "*maklumat itu tidak pernah statik. Apa yang hari ini sahih, esok mungkin tidak lagi atau sebaliknya tetapi adalah menjadikannya kewajipan kepada blogger untuk mengasaskan penulisan mereka seboleh-bolehnya kepada fakta yang sahih.*" Blogger haruslah sentiasa mengemaskini blog mereka sekiranya fakta itu berubah sebagai pembelaan jika berlakunya pertikaian. Perkara sama turut dirasai oleh Ahmad Lutfi dengan menyatakan bahawa "*sumber berita yang sahih itu penting tetapi oleh sebab kita di Malaysia ini, untuk mendapatkan sumber berita yang sahih adalah susah. Hari ini boleh jadi sahih, esok jadi tidak sahih atau disebaliknya. Kesahihan maklumat itu lebih penting daripada ulasan yang dibuat.*"

Lain pula pandangan yang dibuat oleh Tun Faisal melalui penjelasannya. "*Bagi blogger yang mengutamakan sensasi, maka dia tidak pentingkan kesahihan fakta kerana untuk mendapatkan satu fakta yang sahih memakan masa yang agak lama.*" Tambahnya lagi, sememangnya motivasi seseorang blogger itu adalah untuk mensensasikan sesuatu isu atau maklumat supaya ia dapat menarik perhatian para pembaca.

Din Merican memperjelaskan lagi tentang pentingnya maklumat yang sahih buat blogger kerana ia merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh blogger dalam menghidangkan maklumat yang tepat, pantas dan menepati masa. Beliau mengatakan bahawa;

Kita berurusan dengan fakta-fakta dan bukan fiksyen. Sebagai seorang blogger, saya mempunyai kewajipan untuk bertanggungjawab, membekalkan maklumat yang tepat dan menepati masanya. Saya melakukannya sebagai satu perkhidmatan untuk berkongsi maklumat, pandangan dan idea.

Hal ini turut dipersetujui oleh Rocky Bru di mana kesahihan maklumat adalah paling utama kerana kesahihan maklumat itulah yang akan menentukan suatu kebenaran. Shahbudin Husin turut menetapkan pendirian yang sama dengan menyatakan bahawa maklumat yang sahih adalah penting di mana kesahihan maklumat itu akan menjadi satu petunjuk kepada kebenaran. Blogger disarankan untuk menyemak terdahulu sesuatu maklumat, fakta atau gambar sebelum menulis bagi mengelakkannya jatuh kepada berlakunya fitnah yang boleh memecah-belahan pelbagai pihak. Sebagai kesimpulan, kesahihan maklumat adalah penting dalam penulisan seorang blogger bagi menjaga identiti, integriti serta kredibiliti blognya. Hasil kajian Johnson dan Kaye (2000) turut menunjukkan bahawa pengguna blog menilai blog sebagai lebih dipercayai daripada sumber berita tradisional melalui dimensi keadilan, kebolehpercayaan, ketepatan dan keterperincian maklumat yang disebarluaskan oleh blogger.

iii). Bersifat responsif kepada keperluan masyarakat

Dalam konteks Malaysia hari ini, blogger lebih bersifat responsif kepada isu yang hangat diperbincangkan melalui media arus perdana maupun media sosial. Sesuatu isu yang menjadi viral dalam media sosial pastinya akan menarik perhatian para blogger untuk turut serta membincang dan memberikan pendapat yang bernalas. Blog telah membekalkan ruang yang lebih luas untuk memberikan penjelasan yang lebih terperinci bersertakan fakta, gambar, statistik dan sebagainya. Kebiasaannya blogger akan membekalkan maklumat yang mungkin tidak diperoleh melalui media lain. Pendedahan demi pendedahan akan dibuat oleh blogger demi memenuhi permintaan masyarakat iaitu untuk mengetahui sesuatu yang baru dan lebih lanjut lagi. Semeltzer (2010) melalui kajiannya juga menyatakan bahawa kemudahan perkongsian idea, maklumat dan perspektif secara terbuka serta adanya sedikit kebebasan bersuara maka blog di Malaysia mempunyai potensi untuk berkhidmat sebagai daya pendemokrasian dalam sebuah negara.

Untuk menunjukkan sifat responsif kepada keperluan masyarakat, blogger Din Merican akan cuba untuk memenuhi permintaan masyarakat berkenaan maklumat yang dikehendaki. *“Saya cuba untuk menyampaikan maklumat yang betul dan membuat komen saya berdasarkan maklumat mereka kehendaki, tetapi perlu berhati-hati. Blog yang popular merupakan blog yang boleh dipercayai dan ia mempunyai maklumat yang betul.”* Bukan sahaja menghidangkan berita yang dikehendaki malahan maklumat yang disampaikan haruslah sesuatu yang betul dan boleh dipercayai.

Zainuddin Maidin menjelaskan lagi bahawa *“sebagai blogger yang bersifat responsif kepada keperluan masyarakat, mereka haruslah menjadi seorang blogger yang mempunyai kredibiliti yang tinggi, lebih bertanggungjawab. Di mana akauntabiliti akan menjurus kepada kredibiliti sesebuah blog.”* Dengan kata lain, berita yang disampaikan haruslah yang benar selain membekalkan maklumat yang pantas dan tepat. Tun Faisal turut menyokong pendapat yang diutarakan oleh Zainuddin Maidin dengan mengatakan bahawa blogger yang bersifat responsif merupakan blogger yang menyampaikan pesanan yang benar walaupun respon yang diberikan ke atas keperluan masyarakat kadang-kala memakan masa yang lama kerana blogger perlu mencari fakta dan bukti kepada penjelasan cerita yang benar dan tidak mensensasikan cerita tersebut.

Mohd Sayuti Omar, Rocky Bru dan Ahmad Lutfi bersepakat bahawa blogger di Malaysia mempunyai sifat yang lebih responsif kepada keperluan masyarakat terutamanya berkenaan dengan isu politik dalam negara. Banyak isu yang melibatkan kepentingan masyarakat telah dibincangkan dalam blog. Mohd Sayuti Omar menyatakan bahawa blogger

di Malaysia “*lebih responsif dalam aspek tertentu sahaja terutamanya politik tetapi tidak dalam bidang-bidang lain.* Segala apa isu yang berlaku akan dikaitkan dengan politik. Hal ini kerana orang Malaysia lebih gemar akan berita-berita yang berkaitan dengan isu politik terutamanya melibatkan pemimpin besar negara.

Rocky Bru pula berpendapat bahawa, “*hari ini blogger kita lebih responsif kepada gosip dan skandal.*” Hal ini meliputi penglibatan pemimpin negara, ahli politik atau menteri, pegawai tertinggi negara dan sebagainya kerana isu-isu yang melibatkan orang politik ini tidak banyak didedahkan oleh media arus perdana. Maka, telah menjadi tanggungjawab blogger untuk mendedahkan sedikit demi sedikit sebagai maklumat tambahan buat pengetahuan masyarakat yang rata-rata telah jemu dengan apa yang disajikan oleh media arus perdana. Kadir Jasin mempunyai pandangan yang agak berbeza melalui kenyataannya;

Ia bergantung pada siapa? Kalau dibayar oleh pihak tertentu, dia bertanggungjawab kepada siapa yang membayar, yang mengupahnya itu. Jadi tanggungjawab kepada audien itu tidak begitu penting. Jadi bagi blogger yang bebas, yang tak dibayar oleh sesiapa. Audien itulah yang menjadi tanggungjawab dia, audien itulah yang akan menjadi majikan dia.

Dengan kata lain, blogger akan bersifat responsif dengan memenuhi keperluan masyarakat sekiranya dia bebas. Adalah menjadi tanggungjawab blogger untuk membekalkan maklumat yang dikehendaki oleh masyarakat pada ketika mereka memerlukannya. Blogger cuba memperjelaskan secara terperinci mengenai segala isu yang ada hubung kait dengan kehidupan masyarakat. Dalam erti kata lain membantu media arus perdana melalui penerangan yang lebih mudah difahami. Sifat blog yang menyediakan ruangan yang luas telah membenarkan ulasan serta huraian terperinci dilakukan. Elliott (1986) dan McQuail (2003) turut menyarankan agar pengamal media mengambil tanggungjawab akibat daripada penerbitan mereka dan menjadi responsif kepada keperluan orang ramai dan jangkaan masyarakat. Sebagai warganegara Malaysia, mereka mempunyai hak untuk mengetahui tentang segala apa yang sedang berlaku dalam negara. Maka, adalah menjadi tanggungjawab blogger untuk mendedahkannya sedikit demi sedikit buat tatapan masyarakat kerana media tradisional tidak mempunyai kebebasan untuk berbuat sedemikian.

iv). Pandangan atau khabar angin

Muktahir ini, banyak blogger telah melontarkan pandangan sendiri yang berbentuk khabar angin untuk menarik perhatian pembacanya. Kebiasaannya apa yang didengar akan dituliskan dalam bentuk artikel dan disebarluaskan kepada khalayak. Sekiranya perkara yang dikhabarkan itu membawa kebenaran maka ia boleh diterima oleh masyarakat tetapi jika disebaliknya sehingga boleh menjelaskan kedudukan atau imej seseorang individu maka ia merupakan suatu kesalahan yang boleh membawa kepada jatuhnya fitnah. Bukan sahaja blogger yang merupakan penulis asal artikel harus berhati-hati dengan perkara ini malahan blogger lain yang gemar membuat perkongsian kepada pembaca lain juga harus berjaga-jaga terhadap perkara ini. Hal ini kerana terdapat kes yang pernah disabitkan kesalahan ke atas blogger yang hanya berkongsi artikel blogger lain.

Rocky Bru telah memberi satu contoh kes seperti yang dibincangkan di atas. Artikel asalnya bertajuk "*I have an information the sister of maid who was raped by a minister had gone to the Indonesian Embassy to file a complaint*" yang tanpa pendedahan nama individu tersebut tetapi telah disebarluaskan khabar angin dengan menyebut nama menteri tersebut oleh blogger, Raja Petra melalui satu paparan bertajuk "*Apalah engkau orang ni teka-teka, yang Rocky maksudkan ialah Rais Yatim.*" telah disebarluaskan berita asal oleh blogger, Din Sharpshooter bersertakan gambar Rais Yatim dan hal ini telah membuatkan Datuk Seri Rais Yatim memfailkan saman ke atas Din Sharpshooter atas kesalahan memfitnah dan telah dipenjarakan selama tiga bulan kerana gagal menyelesaikan saman yang dikenakan.

Menurut Ahmad Lutfi, kadang-kala untuk mendapatkan satu maklumat yang sahih bukanlah suatu perkara yang mudah lebih-lebih lagi melibatkan perihal berkaitan pihak kerajaan. Maka, khabar angin tidak boleh diketepikan sama sekali. Malah harus dipertimbangkan juga apa yang didengar kerana ada kebarangkalian kebenarannya itu. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kesilapan dalam paparan yang dibuat berdasarkan kepada khabar angin, blogger tersebut haruslah memperbetulkan atau mengambil pendekatan untuk meminta maaf bagi mengelakkan daripada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak berkenaan. Kadir Jasin membuat penerangan berkenaan dengan perkara ini:

Ini perkara biasa kerana dalam akhbar pun ada khabar angin ataupun khabar-khabar yang tidak dapat disahkan pun digunakan juga. Kalau dikaji kewartawanan Melayu, ia banyak menceritakan yang berdasarkan khabar-khabar angin ini. Sebab pada waktu tu cukup susah untuk mengesahkan keadaan ketika itu.

Adalah menjadi perkara biasa dengan penggunaan khabar-khabar angin atau khabar-khabar yang masih belum disahkan. Ia haruslah bukan daripada suatu perkhabaran yang bertujuan tidak baik sehingga boleh memberi kesan yang negatif kepada seseorang, organisasi atau negara. Kenyataan oleh Kadir Jasin turut dipersetujui oleh Zainuddin Madin dengan menambah lagi bahawa "*akan ada pihak yang terima khabar angin itu malah akan ada juga yang menapis.*" Sekiranya perkhabaran itu suatu yang tidak menyenangkan maka ia tidak menyumbangkan kebaikan kepada masyarakat. Lain pula pandangan daripada Tun Faisal yang menyatakan bahawa blogger yang menulis sesuatu artikel melalui khabar angin adalah blogger yang tidak beretika kerana tidak menyampaikan maklumat yang benar. Din Merican telah menegaskan bahawa;

Ini merupakan budaya penulisan blog yang tidak bertanggungjawab, yang tidak harus digalakkan. Seorang blogger yang waras akan mengulas dengan fakta dan berdasarkan maklumat yang boleh dipercayai. Dia perlu menyemak, mengesahkan punca, kemudiannya membaca secara bijak dan memberi maklum balas secara bertanggungjawab. Khabar angin dicatatkan. Apa motif anda untuk menyebarkan perkara sebegini?

Din Merican telah memberikan satu pandangan yang berbeza dengan jelasnya dan telah menentang kepada penggunaan khabar angin dalam penulisan blog kerana ia akan menjelaskan pihak tertentu. Sebagai seorang blogger yang bertanggungjawab, mereka haruslah membuat ulasan berdasarkan kepada fakta dan maklumat yang boleh dipercayai.

Shahbudin Husin pula menyatakan bahawa “*blogger yang menulis berdasarkan khabar angin, ia hanya akan menjadi sensasi sekejap sahaja. Apabila sampai ke suatu peringkat di mana orang dah tahu ia sekadar suatu provokasi, sekadar khabar angin maka dia punya kredibiliti akan hilang.*” Ini bermakna, khabar angin tidak membawa sebarang faedah kerana ia boleh menyebabkan kredibiliti seseorang blogger terjejas. Pembaca akan mula untuk mencari suatu sumber maklumat yang lebih dipercayai.

Mohd Sayuti Omar menekankan lagi bahawa “*terdapat blogger yang menulis hanya bergantung pada desas-desus ataupun andaian-andaian. Sekiranya andaian-andaian itu tidak membawa kepada malapetaka yang parah, ia tidak menjadi masalah tetapi sekiranya ia mencemarkan seseorang itu sehingga boleh merosakkan reputasi, itu kena elaklah.*” Untuk menulis berdasarkan kepada ramalan-ramalan, ia harus perlu ada asasnya. Tetapi sekiranya penulisan artikel berdasarkan ramalan sehingga boleh menjelaskan reputasi buruk seseorang itu maka eloklah diberhentikan sahaja. Tanamkan perasaan tanggungjawab dalam diri masing-masing untuk menyebarkan sesuatu maklumat yang boleh memberi input yang positif kepada pembaca. Elakkan daripada menjadi parasit yang akan merosakkan minda masyarakat di Malaysia.

v). *Sentiasa beretika dalam penulisan blog*

Kalau diikutkan kepada maklumat yang diterima daripada blogger yang ditemui bual, memang terdapat dalam kalangan blogger di Malaysia yang dibayar untuk menulis dan ini tidak menghairankan ataupun bukan sesuatu perkara yang luar biasa. Blog adalah satu saluran komunikasi seperti radio, televisyen, akhbar dan adalah perkara biasa bahawa orang yang menggunakan saluran ini diupah untuk melakukan kegiatan tertentu. Cuma orang yang diupah ini tidak bebas dalam penulisannya kerana terpaksa mengikut kehendak orang yang mengupahnya.

Blogger yang hidup tanpa adanya sumber pendapatan tetap pastinya akan mengharapkan upahan melalui penulisan yang dibuat. Hal ini adalah tidak salah dan tidak menjadi masalah kepadanya kerana khidmat yang diberikan itu merupakan satu pekerjaan baginya. Tun Faisal menyatakan bahawa upah atau bayaran yang diberikan juga akan menaikkan motivasi penulis yang akan membawa kecenderungan untuk meramaikan lagi pengikut dan pembacanya. Mohd Sayuti Omar menerangkan bahawa;

Diupah untuk menulis atas kehendak orang tertentu bukan suatu dosa kecuali tulisan-tulisannya itu melibatkan soal-soal yang boleh menimbulkan dosa. Dalam politik, apa sahaja yang diupah tidak menjadi masalah kerana itu adalah politik dan politik itu sendiri membenarkannya. Matlamat dalam sesuatu acara ada dalam semua politik tidak kira PAS, UMNO, PKR dan sebagainya. Kalau dikatakan nama penulis upahan tersebut menjadi busuk, dalam konteks blog sebab dia menulis dan menggambarkan sesuatu isu yang memberi kepentingan kepada orang lain itu tidak menjadi suatu masalah sebab tanggungjawab personelnya adalah dengan agama dan tuhannya.

Pastinya penulis yang diupah boleh menilai baik buruk suatu penulisan itu. Mustahil penulis tidak peka sehingga sanggup menurut suruhan dan menerima upah untuk menulis benda yang buruk sehingga boleh menjatuhkan imej negara, mengkhianati agama, bangsa dan sebagainya. Sekiranya berlaku, ini menjadi tanggungjawab penulis upahan tersebut

untuk menanggung segala apa risiko yang bakal dihadapinya. Rocky Bru pula menjelaskan bahawa;

Saya tidak mempunyai sebarang tentangan terhadap blogger yang dibayar untuk menulis kerana blogger bukanlah wartawan dan wartawan dibayar untuk menulis. Maka adalah tidak salah apabila dibayar untuk menulis. Sekiranya blogger dibayar oleh contohnya UMNO untuk menulis, tidak menjadi masalah bagi saya. Ia adalah apa yang ditulis untuk mendapatkan bayaran. Sekiranya dia menulis separuh kebenaran, ia akan memalsukan berita. Sekiranya dia dibayar dan dia menulis suatu kebenaran, ia adalah boleh diterima. Apabila anda cuba untuk menyembunyikan fakta, yang munafik dan pada dasarnya anda mempunyai sesuatu untuk disembunyikan.

Pada dasarnya, seseorang penulis yang dibayar itu adalah tidak menyalahi undang-undang sedangkan wartawan yang menulis dan menyampaikan berita kepada orang ramai juga dibayar dengan gaji. Konteks yang sama berlaku pada blogger yang menulis untuk tatapan orang ramai sebagai satu pekerjaan yang diupah atas khidmat yang diberikan. Menurut Zainuddin Maidin *"Wartawan yang dibayar untuk menulis juga terikat dengan dasar apa yang berkenaan.... etika dan dia kena hotmat dan kalau tidak hormat dia mesti berundur daripada akhbar berkenaan. Blogger juga apabila dibayar, dia juga terikat sama ada dari segi yang kecil sehingga yang sebesar-besarnya.* Tetapi maklumat yang disalurkan itu haruslah melaporkan sesuatu yang benar tanpa menyembunyikan fakta atau kebenaran yang boleh mengelirukan pembacanya. Menurut Kadir Jasin, blog bagaikan akhbar yang mempunyai pengakuan bahawa ia memikul peranan yang penting dalam komunikasi massa. Hal ini disokong lagi oleh Ahmad Lutfi melalui kenyataan yang dibuatnya;

Bagi saya itu bukan satu isu yang besar sebab selagi mana dia berpijak pada fakta, kepada kebenaran, saya akan menghormati orang yang menulis dibayar tapi betul, benar daripada orang yang tak dibayar tapi mengarutngarutkan, bawa fitnah, adu domba dan sebagainya.

Harus diingatkan di sini bahawa dibayar untuk melaporkan atau mendedahkan suatu isu bukan menjadi masalah tetapi jika penulis itu dibayar untuk menulis benda yang tidak baik sebagai contoh untuk mengadu domba, untuk dedahkan keaiban yang tidak sepatutnya dibuat sebagai seorang muslim, maka itu ada keterbatasannya. Penulisan yang boleh menghuru-harakan negara, membawa fitnah dan maklumat yang tidak benar merupakan penulisan yang tidak ada nilai.

Zainuddin Maidin menegaskan lagi, bagi blogger yang mempunyai prinsip, dasar atau matlamat tersendiri, mereka akan menjadi seorang individu yang mempunyai pendapat tersendiri. Bagi blogger yang menulis dengan hasrat hanya untuk mencari wang atau hiburan semata-mata, maka blogger ini digelarkan sebagai blogger yang tidak ada perjuangan dalam penulisannya. Mungkin terdapat bahagian-bahagian tertentu yang ingin disuarakan tidak kesampaian sekiranya tidak kena dengan pendirian orang yang membayarnya. Pendek kata, penerimaan upah boleh membantutkan pendedahan sebenar sesuatu isu yang diperbahaskan walaupun apa yang ingin didedahkan itu tidak bercanggah dengan undang-undang yang termaktud dalam Malaysia.

Sebaliknya, lain pula pendirian yang terdapat pada Din Merican dengan menyatakan bahawa seorang blogger bebas untuk lakukan apa sahaja yang dia kehendaki. *“Saya takkan terima bayaran, saya tidak ada niat untuk menjadi salah seorang daripadanya. Saya ingin menjadi seorang yang ada pendapat sendiri dan sekiranya ada pihak yang ingin saya tulis berkenaan dengannya, dia harus dahulu membenarkan saya untuk mengkritiknya bukan hanya mempromosinya sahaja kerana saya bukan blogger sebegitu. Saya harus kekalkan integriti peribadi.”* Maka di sini jelas menunjukkan bahawa kadang-kala ada blogger yang sanggup menulis sesuatu yang dikehendaki oleh pihak kedua secara percuma tetapi kritikan juga harus diterima olehnya dengan hati terbuka. Maknanya di sini, yang benar berkata benar, yang salah berkata salah. Integriti harus dipegang untuk menjaga identiti tersendiri yang mungkin membantu menjurus ke arah kredibiliti sesebuah blog.

Rentetan daripada itu, majoriti blogger juga bersetuju bahawa adalah baik sekiranya satu kod etika kepada blogger boleh diwujudkan sebagai panduan kepada blogger dalam penulisannya. Garis panduan yang boleh dibuat adalah merupakan sesuatu yang akan menyaran agar seseorang blogger menjadi seorang pemblog yang profesional, berwibawa, mempunyai integriti, boleh dipercayai dan tidak menimbulkan sebarang masalah kepada masyarakat mahupun negara. Austin dan Dong (1994) mengesahkan bahawa seseorang individu akan meletakkan kepercayaan bahawa sumber yang bereputasi boleh menghasilkan suatu cerita yang dipercayai. Sistem perkongsian yang mudah dan cepat di samping ruangan luas yang dibekalkan juga telah menyebabkan blog menjadi pilihan ramai masa kini. Selain itu, kemudahan yang membolehkan pengunjung untuk melayari semula pada bila-bila masa mengangkat martabat blog sebagai sebuah medium baru yang membekalkan maklumat yang signifikan, yang relevan serta memberi kesan kepada kehidupan mereka yang membaca, kedudukan mereka dan apa jua sudut pandangan yang telah diberikan oleh blogger sebagai satu lagi sumber alternatif untuk dibuat perbandingan.

Mohd Sayuti Omar berpendapat bahawa kod etika dalam penulisan blog adalah perlu sebagai panduan blogger tetapi tidak ada badan tertentu yang boleh membuatnya kerana dunia blog itu sendiri tidak ada. Walau bagaimanapun yang menjaga etika dalam memblog ketika ini adalah terletak di bahu suruhanjaya komunikasi. Tambahan Din Merican, *“sekiranya anda ingin mempromosikan blogger yang bertanggungjawab, ia perlu ada beberapa tata-kelakuan untuk dipatuhi oleh semua blogger. Anda tidak boleh menyebarkan maklumat yang separa benar dan sebagainya. Maka harus ada tata-kelakuan dalam kalangan blogger.”*

Kadir Jasin menerangkan lagi berkenaan kod etika buat blogger dengan menyatakan bahawa adalah sukar untuk mewujudkan satu kod etika sebagai panduan semua blogger kerana keadaan blog yang terlalu bebas. Sesiapa sahaja boleh membuka akaun blog walaupun kanak-kanak yang berada di peringkat bawah umur. Beliau turut menyatakan *“Untuk mewujudkan satu kod etika buat satu kelompok yang begitu berbeza dan besar dan tidak kita ketahui siapa identiti mereka adalah amat sukar. Perlu memang perlu tetapi nak mewujudkan itu adalah susah.”* Maka, pengguna haruslah berbalik kepada undang-undang yang sedia ada yang meliputi peraturan, norma-norma masyarakat sebagai gambaran etika yang perlu diikuti. Zainuddin Maidin turut menyokong kenyataan yang dibuat oleh Kadir Jasin dengan menyatakan bahawa *“adalah perlu untuk mewujudkan kod etika buat blogger tetapi secara praktikalnya ia bukanlah suatu yang mustahil”*.

Tun Faisal dan Ahmad Lutfi turut bersetuju bahawa adalah bagus sekiranya dapat mewujudkan satu kod etika sebagai panduan kepada blogger dalam penulisan. Walau bagaimanapun, perasaan tanggungjawab dan sentiasa berdisiplin dalam pengendalian blog harus disemai dalam diri blogger itu sendiri. Rocky Bru turut menyokong dan memperjelaskan lagi bahawa;

Saya rasa ia bukan hanya boleh, ia perlu diteruskan. Pernah dicuba suatu ketika dahulu tetapi ia tidak berjaya. Apabila pihak kerajaan memulakannya dan ingin turut menjadi sebahagian daripadanya maka blogger telah menarik diri.

Adalah baik membentuk satu komuniti blogger dalam membincangkan berkenaan dengan kod etika ini kerana mereka akan terlibat secara langsung dan menggunakannya sebagai panduan dalam penulisan. Sebagai seorang blogger yang berintegriti dan sentiasa meletakkan sifat akauntabiliti di suatu tahap yang tinggi, mereka perlulah bersikap jujur termasuklah menulis sesuatu yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, kurangkan unsur-unsur yang boleh membawa bahaya atau menjelaskan seseorang dan sentiasa bertanggungjawab ke atas tindakan yang dilakukan.

KESIMPULAN

Ternyata blog telah membuka ruang ke arah pendemokrasian maklumat di Malaysia. Para blogger bebas untuk meluahkan pendapat mereka demi memenuhi kehendak atau permintaan masyarakat yang mengidamkan maklumat-maklumat baharu yang tidak diperoleh melalui media arus perdana. Sesebuah blog yang tampil dengan hujah-hujah yang bernas serta rasional, yang disokong dengan fakta-fakta yang kukuh pastinya akan berjaya untuk memikat dan mempengaruhi minda masyarakat yang sentiasa mencari kebenaran. Hasil kajian Johnson dan Kaye (2000) menunjukkan bahawa pengguna blog menilai blog sebagai lebih dipercayai daripada sumber berita tradisional melalui dimensi keadilan, kebolehpercayaan, ketepatan dan keterperincian maklumat yang disebarluaskan oleh blogger. Para blogger disarankan agar sentiasa mengamalkan sifat berani bersuara dan sentiasa bersifat akauntabiliti terhadap apa yang diperkatakan. Sentiasa beradab, berhemah dan penuh hikmah dengan berpaksikan kepada jati diri Malaysia yang ditunjangi dengan nilai-nilai mulia dan disegani oleh semua lapisan masyarakat di dunia.

Oleh itu, para blogger diingatkan agar sentiasa berhati-hati dalam penyampaian maklumat. Elakkan daripada membuat kenyataan yang boleh menjelaskan imej seseorang, sesebuah organisasi ataupun negara seperti mengadu domba, menghasut, mengugut dan sebagainya. Sesungguhnya, baik buruk sesebuah artikel adalah tertakluk pada jari jemari dan diri blogger itu sendiri. Maka, semua blogger di Malaysia harus meletakkan sifat akauntabiliti pada tahap tertinggi ketika membingkai artikel blog. Gunakan kebebasan yang diberikan dengan penuh rasa tanggungjawab. Jagalah keamanan dan keharmonian negara melalui pembekalan maklumat yang berfaedah buat tatapan semua.

BIODATA

Muhammad Hakimi Tew Abdullah merupakan pensyarah kanan di Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Emel: muhammad_hakimi@uitm.edu.my

Muhamad Hanapi Khamis merupakan pensyarah kanan di Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Emel: hanapikhamis@uitm.edu.my

Zuliani Mohd Azni merupakan pensyarah di Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Emel: zulianiazni@uitm.edu.my

RUJUKAN

- Abdullah, M. H. T., Ahmad, A. L., & Jing, H. F. (2017). The disclosure of media framing between bloggers in Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare*, 9, 1-22.
- Abdullah, M. H. T., Ahmad, A. L., & Kee, C. P. (2016). The exposure of media frames among Malaysian bloggers pre and post 13th general election. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2), 425-452.
- Abdullah, M. H. T., Ahmad, A. L., & Bahrom, H. (2014). Pengaruh blog ke arah pencapaian demokrasi di Malaysia. *Proceedings of the 1st Academic Symposium on Integrating Knowledge*. UIN Makassar, 20-21 June.
- Akmal, F., & Salman, A. (2015). Partisipasi politik belia secara 'online'melalui ruang demokrasi maklumat media baru. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 81-100.
- Austin, E. W., & Dong, Q. (1994). Source vs content effects on judgment of new believability. *Journalism Quarterly*, 71(4), 973- 983.
- Cenite, M., Benjamin, H. D., Andy, W. K. Koh, Alvin, L. H. L., & Soon, N. E. (2009). Doing the right thing online: A survey of bloggers' ethical beliefs and practices. *New Media Society*, 11, 575.
- Chamil, W. W. (2012). *Kewartawanan dan media era digital isu-isu semasa*. Kuala Lumpur: Malaysian Press Institute.
- Elliott, D. (Ed.). (1986). *Responsible journalism*. Beverly Hills, CA: Sage Publications.
- Gunter, B. (2009). Blogging? Private becomes public and public becomes personalised. *Aslib Proceedings: New Information Perspectives*, 61(2), 120- 126.
- Inch, A. (2015). Ordinary citizens and the political cultures of planning: In search of the subject of a new democratic ethos. *Planning Theory*, 14(4), 404-424.
- Johnson, T., & Kaye., K. (2004). Wag the blog: How reliance on traditional media and the internet influence credibility perceptions of weblogs among blog users. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 81(3), 622-642.
- McIntosh, S. (2005). Blogs: Has their time finally come — or gone? *Global Media and Communication*, 1(3), 385-388.
- McQuail, D. (2003). *Media accountability and freedom of publication*. Oxford: Oxford University Press.
- Newton, L. H., Hodges, L., & Keith, S. (2004). Accountability in the professions: Accountability in journalism. *Journal of Mass Media Ethics*, 19(3&4), 166-190.
- Rasul, N. M., & Rahim, A. A. (2015). Penggunaan media, norma kewarganegaraan dan partisipasi politik dalam era transisi ke demokrasi di Indonesia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 187-204.
- Smeltzer, S. C. (2010). Blogging in Malaysia: Hope for a new democratic technology. *Journal of International Communication*, 14(1), 1-18
- Tan, J. E., & Ibrahim, Z. (2008). *Blogging and democratization in Malaysia: A new civil society in the making*. Petaling Jaya, Malaysia: The Strategic Information and Research Development Centre.
- Zain, Z. M, Yusoff, M. A., & Othman, Z. (2015). Internet dan kebangkitan demokrasi siber di Malaysia: Analisis pilihan raya umum 1999 dan 2008. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(5), 56-66.